

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi membantu pelajar terutama Bumiputera memilih bidang pengajian yang bersesuaian selari dengan IR 4.0.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Proses kemasukan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau yang setaraf ke pengajian peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda ke Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) adalah berasaskan prinsip meritokrasi. Ini dilaksanakan tanpa mengira agama, bangsa, negeri, keturunan dan latar belakang yang mana proses pemilihan adalah berasaskan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum.

Dalam konteks membantu para pelajar terutamanya Bumiputera untuk memilih bidang pengajian yang bersesuaian dan selari dengan IR 4.0, Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan beberapa program. Satu daripadanya ialah acara tahunan – Program Jom Masuk IPT. Program ini diadakan dengan semangat untuk memperluas akses dan ekuiti ke pendidikan tinggi. Ia juga sejajar dengan aspirasi pendidikan global yang disasarkan oleh Kementerian melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (2015 – 2025), di bawah Lonjakan 10: Transformasi Penyampaian Pendidikan Tinggi.

Pada tahun ini, Program Jom Masuk IPT dianjurkan secara virtual seiring dengan norma baharu. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan mereka yang ingin memohon melanjutkan pelajaran ke IPT, mendapat maklumat yang tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi yang ditawarkan di dalam negara. Dalam hubungan ini juga, Kementerian melalui Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA membantu ibu-bapa dan pelajar membuat pemilihan bidang pengajian yang bersesuaian dengan memberikan penekanan agar membaca Syarat Am dan Syarat Khas program pengajian yang ditawarkan dalam e-panduan sebelum mengemukakan permohonan di UPUOnline.

Melalui paparan *dashboard* UPUOnline, pemohon juga boleh merujuk maklumat tambahan berkenaan dengan kebolehpasaran graduan di IPT mengikut tahun berserta dengan statistik permohonan dan

SOALAN NO : 19

tawaran UPU dalam tempoh lima tahun ke belakang. Ini bagi membantu para pemohon membuat keputusan pilihan program pengajian. Tidak terhad kepada itu, keputusan pentaksiran psikometrik yang diambil sewaktu di sekolah juga boleh dilihat dalam pautan pada *dashboard* UPUOnline untuk mengetahui kecenderungan mereka sebelum memilih kursus yang bersesuaian.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, terdapat peningkatan enrolmen pelajar Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak pada tahun 2020 iaitu seramai 44,218 orang berbanding 42,023 orang pada tahun 2019. Peningkatan ini merujuk kepada semua kategori bidang di UA, iaitu bagi Program Asas; Pendidikan; Sastera dan Kemanusiaan; Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan; Sains, Matematik dan Komputer; Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan; Pertanian dan Veterinar; Kesihatan dan Kebajikan; dan Perkhidmatan. Secara keseluruhan, Bidang Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan menunjukkan peningkatan tertinggi sebanyak 7.45 peratus, iaitu 186,473 pelajar pada tahun 2020 berbanding tahun 2018 seramai 173,538 pelajar. Sekian, terima kasih.